

0235

U B762 AAB  
MAHATHIR - ISLAM RRR

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEBANGKITAN ISLAM DI SELURUH DUNIA KINI PERLU DINILAI SECARA LEBIH ADIL DAN OBJEKTIF UNTUK MENGGELAKKAN TIMBULNYA SYAK WASANGKA.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG BERLAKU DI DUNIA ISLAM KINI MESTILAH DIFAHAMI SEBAGAI SATU PERGERAKAN YANG BERUSAHA MENEGAKKAN KEBEBASAN POLITIK, KEADILAN EKONOMI DAN IDENTITI KEBUDAYAAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI KATA-KATA ALUANNYA DALAM BUKU CENDERAMATA MALAM MINGGU PERPADUAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA-LIBYA YANG AKAN DILANCARKAN DI SINI, ESOK.

SEBAGAI FUNDAMENTALIS ISLAM, BELIAU BERKATA: +KAMI BERPEGANG KUAT PADA AJARAN ISLAM, PADA KEAMAMAN, TOLAK ANSUR DAN KEADILAN.+

OLEH ITU MENGAPAKAH HARUS DIBIARKAN SALAH SATU PERGERAKAN PENTING DI ZAMAN INI, IAITU KEBANGKITAN ISLAM, DISALAHTAFSIRKAN DAN DISALAHFAHAMI? SOAL BELIAU. -- LAGI  
1700MST 13 04 88

0236

B B763 AAB  
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, PRESIDEN LIBYA KOLONEL MUAMMAR GADAFFI DALAM KATA-KATA ALUANNYA MENEGASKAN MASYARAKAT ISLAM PERLU MENYEDARI BAHAWA DUNIA ISLAM SEKARANG MENGHADAPI SERANGAN SEBAGAIMANA DIALAMI OLEH KERAJAAAN ISLAM PADA MASA SILAM TETAPI KINI DALAM BENTUK BARU.

ANTARA SERANGAN ITU IALAH GERAKAN PENJAJAHAN BARAT KE ATAS AGAMA ISLAM YANG TELAH MENYEBABKAN KEMUNDURAN NEGERA-NEGERA ISLAM SEHINGGA KINI, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA PENJAJAH BARAT SENTIASA IRIHATI DAN DENGKI TERHADAP ISLAM DAN SENTIASA BERUSAHA MERUNTUHKANNYA DENGAN BERUSAHA MENERAPKAN KEBUDAYAAN DUNIAWI DALAM AJARAN ISLAM.

MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM PULA BERKATA KUALA LUMPUR DAN TRIPOLI SUDAH MENJALINKAN KERJASAMA ERAT DALAM PELBAGAI BIDANG TERUTAMA PENDIDIKAN, KEBUDAYAAN DAN KEAGAMAAN

KATANYA, LIBYA MERUPAKAN PENAJA BERSAMA DENGAN BEBERAPA BUAH NEGERA ISLAM YANG LAIN BAGI MENUBUHKAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA, DAN MEMPERUNTUKKAN BIASISWA SEBANYAK \$146,000 PADA TAHUN 1984 UNTUK SISWAZAH UNIVERSITI ITU.

MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMAD RAHMAT PULA BERKATA PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN PADA MALAM ITU AKAN DIRAKAM DAN DITAYANGKAN DI LIBYA MELALUI SISTEM TELEVISYEN NEGARA ITU AGAR LEBIH RAMAI RAKYAT LIBYA DAPAT MENGENALI KEBUDAYAAN MALAYSIA. -- BERNAMA  
1706MST 13 04 88